

Mohd Nadzri terima kunjungan Pengarah UMSKAL

UB 29.10.2013 A6

LABUAN: Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman menerima kunjungan hormat Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali di Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.

Turut hadir Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Jabatan Hal Ehwal Korporat Perbadanan Labuan, Jah Murniwaty Markum.

Rombongan UMSKAL disertai Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran), Sharifah Ismail dan Penolong Bendahari Kanan, Muhajirah Muchlis.

Hadir sama Penolong Pendaftar Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslianah Opao, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Ag Tanjung.

Ismail berkata kunjungan hormat itu bertujuan untuk menyampaikan salam dan ucapan tahniah daripada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah atas pelantikan Datuk Mohd Nadzri sebagai

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang baharu.

Katanya Harun berharap hubungan baik yang sedia terjalin antara Perbadanan Labuan dan UMS akan berkekalan dan berterusan untuk kebaikan kedua-dua pihak.

Ismail turut memaklumkan UMSKAL dengan kerjasama Perbadanan Labuan akan mengadakan Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2013 pada 16 November depan dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan bermula jam 8.30 pagi.

Katanya UMSKAL akan menjemput Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan bersama Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus merangkap Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan sebagai tetamu kehormat program tahunan itu.

"UMSKAL juga akan mengadakan program Tamu Gadang pada 13 hingga 17 November depan yang menyajikan pelbagai acara menarik seperti sukan, kebudayaan, keagamaan, pameran pendidikan dan gerai jualan serta pameran kenderaan dan motosikal berkuasa tinggi," katanya.



MOHD Nadzri (kiri) mengadakan perbincangan dengan Ismail (dua kanan) dan Geoffrey di Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.